



# KENYATAAN MEDIA

## KADAR PARKIR BARU DI STESEN MRT

**Kuala Lumpur, 31 Mei 2018:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin memaklumkan bahawa kadar parkir baru akan dikenakan di kemudahan *Park and Ride* yang dikendalikan oleh MRT Corp di sepanjang Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) bermula 1 Jun 2018.

Kadar baru ini mencerminkan pengurangan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) kepada 0%.

Kemudahan *Park and Ride* yang dikendalikan oleh MRT Corp adalah di Sungai Buloh, Phileo Damansara, Maluri, Taman Midah, Taman Suntex, Bandar Tun Hussein Onn, Bukit Dukung dan Sungai Jernih.

Mulai 1 Jun 2018, bayaran parkir di Kemudahan *Park and Ride* bagi pengguna MRT adalah RM 4 bagi setiap kemasukan sehari.

Bagi pengguna yang menggunakan kemudahan parkir tetapi tidak menggunakan MRT akan dikenakan kadar parkir berbeza bergantung kepada lokasi kemudahan *Park and Ride* yang digunakan.

Penunggang motosikal akan dikenakan bayaran RM 1 bagi setiap kemasukan sehari di semua kemudahan *Park and Ride*.

Kadar parkir baru untuk kemudahan *Park and Ride* adalah seperti yang dilampirkan.

Kemudahan parkir lain di sepanjang Laluan SBK seperti di Kwasa Damansara, Kwasa Sentral, Bandar Utama, Pusat Bandar Damansara dan Kajang adalah dikendalikan oleh pihak luar.

MRT Corp telah bertemu dengan pengendali dan menasihati mereka agar menyemak semula kadar parkir untuk mencerminkan kadar GST 0%. Walau bagaimanapun, terpulang kepada pengendali untuk melaksanakan sebarang perubahan pada kadar parkir.



*-tamat/-*

***Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:***

***Encik Leong Shen-Li  
MRT Corp***

***012-3196602 / [leong.shen-li@mymrt.com.my](mailto:leong.shen-li@mymrt.com.my)***

***Cik Amalina Ghazali  
MRT Corp***

***016-2154055 / [amalina.ghazali@mymrt.com.my](mailto:amalina.ghazali@mymrt.com.my)***